

07/08/2000

Paras terendah cetuskan peningkatan

Fred Tam

INDEKS Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berjaya mencatatkan tiga paras tertinggi baru sepanjang minggu lalu untuk ditutup 15.90 mata atau 1.98 peratus lebih tinggi pada 814.99 mata Jumaat lalu.

Peningkatan minggu lalu sememangnya dinanti-nantikan memandangkan keadaan ketidaktentuan berhubung keputusan perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 4 Ogos lalu. Kebimbangan berhubung tunjuk perasaan daripada penyokong beliau dari parti pembangkang membuatkan pelabur menyisih daripada pasaran.

Pasaran bertindak balas dengan teruk pada Isnin lalu apabila ia jatuh 14.14 mata dalam dagangan harian kepada 784.95, sekali gus memecahkan paras sokongan utama pada 789 mata seperti yang disebutkan dalam kolum ini minggu lalu. Tetapi peningkatan semula pada sesi dagangan petang atas kegiatan membeli pada harga murah melonjakkan semula IK untuk ditutup 798.83, menyelamatkan pasaran daripada apa yang mungkin terjadi satu lagi pusingan jualan panik hingga mencecah paras sokongan berikutnya pada paras 750 mata.

Hari Rabu merekodkan jumlah dagangan terendah sejak 30 Mac 1999. Hanya 75 juta saham diurusniagakan hari itu, tinggi sedikit daripada dagangan pada 30 Mac 1999, sebanyak 56 juta saham saja. Ingat lagi saya katakan dalam kolum ini minggu lalu bahawa apabila jumlah dagangan mencecah paras terendah, pemulihan pasaran semakin dekat?

Jika pembaca melihat kembali pada 30 Mac 1999 apabila jumlah dagangan hanya 54 juta saham pada hari itu, hari itu adalah titik peralihan IK. Dua hari kemudian IK BSKL merekodkan rali yang hebat melonjak daripada 498.57 (pada 30 Mac) kepada 527.56 pada 1 April 1999.

Sejarah berulang lagi di sini kerana dalam keadaan yang hampir sama, IK BSKL melonjak daripada 802.53 Rabu lalu untuk ditutup pada 814.99 pada Jumaat, dua hari kemudian.

Dalam senario pada 1999, pasaran tidak lagi menoleh ke belakang sejak 1 April, melonjak dalam garisan lurus untuk mencecah paras tertinggi 870.39 pada 5 Julai, tiga bulan kemudian. Gelombang yang berkuasa itu adalah Gelombang 3.

Ramai orang akan kata saya gila, apabila mengatakan ada kaitan antara aliran minggu lalu dengan aliran yang direkodkan antara April hingga Julai 1999. Ya, sememangnya agak awal untuk mengaitkan kedua-dua aliran berkenaan. Tetapi saya tidak memperkecilkan kemungkinan berulangnya persembahan sebegitu, cuma pada masa ini, rali akan dilabelkan sebagai Gelombang 5.

Berita-berita yang melemahkan pasaran kini di kemuncak. Keputusan perbicaraan pada 4 Ogos, meskipun ditangguhkan adalah contoh khabar buruk, mungkin ada juga yang meletakkannya dalam kategori antara yang terburuk. Keadaan sebegini semestinya menggalakkan pembelian.

Sesetengah orang berkata, peningkatan pasaran pada 4 Ogos berpunca daripada penangguhan keputusan perbicaraan Anwar Ibrahim. Tetapi saya percaya peningkatan itu sememangnya sudah patut berlaku dan berita mengenai Anwar cuma kebetulan. Mengapa begitu?

Saya membuat penyelesaian sebegini kerana harga dan jumlah dagangan pada Rabu sudah menunjukkan tanda untuk meningkat. Premium dua mata untuk kontrak hadapan Ogos berbanding pasaran tunai adalah isyarat pasaran yang cergas.

Pada hari Khamis, pasaran meningkat 7.34 mata kepada 809.89 di atas

jumlah dagangan yang lebih tinggi iaitu 132 juta saham - tanpa disedari esok adalah hari penghakiman, yang mana penghukuman patut diberikan.

Mulai minggu ini, kita patut menjangkakan untuk mendengar khabar gembira. Minggu lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mencetuskan satu berita gembira.

Kerajaan memperkenalkan skim Prosper yang disasarkan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor peruncitan. Ini mungkin kelihatan tidak begitu penting kepada beberapa pihak, tetapi langkah itu benar-benar menyumbang secara positif kepada pasaran saham.

Kita semua tahu bahawa pasaran tidak boleh bertumbuh dalam sebuah negara yang huru-hara. Apa yang berlaku di negara jiran menyatakan dengan jelas hakikat itu. Pelabur sukakan negara yang stabil daripada aspek sosiopolitik dan tadbir urus ekonomi yang pragmatik. Skim Prosper yang dicetuskan Perdana Menteri dan dilaksanakan serta merta adalah langkah tepat untuk memastikan kelangsungan kestabilan sosiopolitik negara dapat dipertahankan.

Mulai minggu ini, pasaran seharusnya mula meningkat dan terus berada dalam keadaan itu selama dua hingga tiga bulan lagi. Seterusnya saya mensasarkan peningkatan sehingga 1,000 mata sebagai permulaan dan mungkin 1,133 mata jika paras 1,000 mata dapat dilepasi dalam tempoh peningkatan itu.

(END)